



# Buku Cerita Kanak-kanak

## KURA-KURA BERSAHABAT DENGAN MONYET



Di tebing sebatang sungai, tinggal seekor kura-kura. Tidak berapa jauh dari tebing sungai itu pula tinggal seekor monyet di atas sebatang pokok yang rendang dan tinggi.




Mereka berdua bersahabat baik. Walaupun, monyet itu mempunyai sikap tamak dan mementing diri sendiri, namun kura-kura tidak pernah **ambil hati** dengan sikap monyet dan sentiasa **berbaik sangka** dengan sahaba tnya itu.



Pada suatu hari, kura-kura datang menemui monyet. Kura-kura membawa sebatang pokok pisang.

Monyet berasa amat **geli hati** melihat kura-kura bersusah payah menggigit daun pisang sambil mengheret pokok pisang itu ke atas tebing.

"Dari manakah kau ambil pokok pisang ini?" tanya monyet dengan penuh kehairanan.



"Aku jumpa pokok pisang ini hanyut di dalam sungai," jawab kura-kura .

kerana ingin tahu .

"Mengapa kau bawa pokok pisang ini ke mari?" soal monyet lagi


"Kita boleh menanamnya," kata kura-kura

"Besok-besok, kalau pokok pisang ini berbuah, kita boleh bersama-sama makan." Jawab kura-kura sambil tersenyum simpul kepada sahabatnya.

Tetapi monyet tidak bersetuju dengan cadangan itu.

"Mengapakah pula engkau tidak bersetuju dengan cadanganku?" kura-kura berasa hairan.

"Pokok pisang ini kita kerat supaya dapat dibahagi dua," jelas monyet.



"Mengapa pula begitu?"  
kura-kura berasa hairan.

"Aku mahu  
menanamnya sendiri,"  
jawab monyet.

Termenunglah kura-kura setelah mendengar kata-kata monyet itu. Kura-kura tahu bahawa monyet bersikap tamak. Terluka hati kura-kura dengan jawapan daripada monyet. Namun, kura-kura tepaksa menurut sahaja akan kemahuannya monyet demi **menjaga hati** sahabatnya itu.

"Baiklah, kalau begitu!" kura-kura mengalah.

Monyet berasa sangat gembira kerana kura-kura bersetuju dengan kemahuannya. "Pilihlah mana-mana



bahagian yang engkau  
mahu!" kata kura-kura.

Tanpa membuang masa lagi, monyet lalu memilih bahagian atas, iaitu daripada pertengahan batang hingga ke bahagian daun. Kura-kura pula mengambil bahagian bawah, iaitu daripada pertengahan batang hingga ke bahagian akar. Pokok pisang itu lalu dikerat untuk dibahagi dua.




Monyet mengambil bahagiannya dan terus berlalu dari situ. Monyet menanam pokok pisang itu berhampiran dengan pokok tempat tinggalnya. Kura-kura pula menanam pokok pisangnya di seberang sungai.

"Apabila pokok pisang itu sudah berbuah, kita makan pisang masing-masing. Itulah perjanjian kita!" monyet memberi **kata putus** kura-kura.

"Baiklah,  
begitu!" kura-  
bersetuju.

Monyet  
**suka hati**  
apabila  
mendengar  
persetujuan  
daripada kura-kura itu.



"Sungguh tiada kusangka! Tamak sungguh rupa-rupanya Sang Monyet ini," fikir kura-kura dalam hatinya.

Setiap hari, monyet asyik menunggu pokok

pisangnya. Monyet sangat gembira kerana mendapat bahagian batang yang berdaun.


Apabila bertemu kura-kura, monyet selalu bertanya, "Sudah berbuah lebatkah pokok pisangmu itu?"\*

"Belum!" jawab kura-kura.  
"Pokok pisangmu itu usahkan hendak mengeluarkan buah, mengeluarkan daun pun tidak!" monyet mengejek kura-kura . Tetapi kura-kura berdiam diri sahaja kerana tidak mahu **bertikam lidah** dengan sahabatnya..



Tidak sampai seminggu, matilah pokok pisang yang ditanam oleh monyet itu. Pokok pisang itu tidak dapat hidup kerana tidak mempunyai akar.


Monyet berasa tersangat malu . Monyet



menyesali akan kebodohnya itu.

Pokok pisang yang ditanam oleh kura-kura pula, akhirnya mengeluarkan daun. Semakin hari, pokok pisang itu semakin subur. Pokok pisang itu dapat tumbuh kerana mempunyai akar.

Kura-kura sangat gembira. Lama-kelamaan, berbuahlah pokok pisang kepunyaan kura-kura. Akhirnya, pisang itu masak. Kura-kura dapat makan pisang itu dengan sepuas-puasnya.



Monyet tersangat malu.  
Akhirnya, monyet **angkat kaki**  
berpindah dari situ.

## **NILAI MURNI**



Sesungguhnya,  
balasan terhadap  
Sikap buruk  
lambat-laun  
merugikan diri sendiri. Sikap sabar pula akan  
membawa kepada kejayaan.

demikianlah  
sikap tamak.  
seperti itu  
tentulah akan



## **Simpulan Bahasa**

- ambil hati = Membuat sesuatu supaya disukai oleh orang/tersinggung atas perbuatan seseorang
- baik sangka = Mempunyai tanggapan yang baik terhadap seseorang
- geli Hati = Rasa lucu hendak tertawa
- senyum simpul = Senyum sedikit.
- luka hati = Pilu/sedih
- jaga hati = Menjaga perasaan
- kata putus = Keputusan muktamad
- Suka hati = Gembira
- Bertikam lidah = Bertengkar atau berdebat
- Angkat kaki = Lari meninggalkan sesuatu tempat